

Wajibkan ISA jika boleh selamatkan ajaran Islam daripada terancam

UM 23 JAN 2002

MELAKA 22 Jan. — Kerajaan wajib menguatkuasakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sekiranya undang-undang itu boleh menyelamatkan ajaran Islam dan umatnya daripada sesuatu ancaman.

Panel Pemikir Jabatan Hal Ehwal Khas Malaysia (JHEK), Datuk Wan Zahidi Wan Teh berkata, kadangkala terdapat ancaman yang tidak boleh diselesaikan menerusi perbincangan sebaliknya perlu menggunakan undang-undang seperti ISA.

"Sekiranya ulama tidak berjaya menangani sesuatu ancaman maka kerajaan perlu menggunakan kuasa mereka," katanya pada majlis taklimat mingguan untuk kakitangan kerajaan dan pemimpin Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di Seri Negeri di sini hari ini.

Menurutnya, tindakan ISA yang diambil oleh ke-

rajaan terhadap pergerakan Al-Arqam kerana penyelewengan akidah merupakan contoh tentang perlunya pelaksanaan undang-undang itu.

"Dalam kes Al-Arqam, Jabatan Agama Islam dan ulama cuba membantu serta berhujah dengan mereka, 20 tahun kita bersabar dan akhirnya kerajaan terpaksa juga menggunakan kuasa mereka," ujarnya.

Majlis taklimat bertajuk "Malaysia Adalah Sebuah Negara Islam" itu dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Melaka, JHEK Negeri Melaka dan Institut Pengurusan Melaka (IMM).

Wan Zahidi berkata, walaupun ISA tidak wujud pada zaman khalifah tetapi undang-undang yang hampir sama telah dilaksanakan terhadap mereka yang dituduh cuba menggulingkan kerajaan.

Menurutnya, mereka yang menghadapi tuduhan itu jika disabitkan kesala-

han selepas soal siasat dijalankan, akan dikenakan hukuman pancung.

Pelaksanaan ISA di peringkat awal kemerdekaan negara juga katanya, telah menyelamatkan negara daripada jatuh kepada tangan pengganas komunis.

Dalam pada itu ketika menjawab satu soalan berhubung perisytiharan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Sentember lalu bahawa Malaysia adalah negara Islam, beliau menjelaskan, ia merupakan penegasan semula terhadap status tersebut.

Jelasnya, negara ini telah menjadi negara Islam sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi apabila ketua negara dipilih di kalangan orang Melayu yang beragama Islam.

Beliau berkata, sebenarnya perisytiharan seperti itu tidak perlu dilakukan termasuk di Parlimen kerana Malaysia sememangnya sebuah negara Islam.